

# KOMUNIS HARAM DITANAM DI PERKUBURAN ISLAM

Di bawah ini disiarkan fatwa Majlis Ulama “Persatuan Islam” Indonesia dalam perkara yang mengenai kedudukan komunis Indonesia yang sekarang bermaharajalela.

Orang-orang komunis itu kalau berasal daripada Islam dan memeluk faham itu adalah ia murtad dan tidak dibenarkan kalau ia mati, ditanam di perkuburan orang-orang Islam.

Bacalah fatwa itu untuk perhatian kita bersama. -P.

Fatwa Ulama'

## “PERSATUAN ISLAM”

Persidangan Majlis Ulama “Persatuan Islam” yang diadakan di Bandung pada tanggal 7 hingga 9 November 1954, dikunjungi oleh para anggota Majlis Ulama “Persatuan Islam”.

### Memerhatikan :

1. Perjuangan umat Islam Indonesia yang hendak menegakkan Hukumah Islamiyah (pemerintahan Islam-P) mendapat tentangan dan perlawanan dari pihak parti-parti luar yang dipelopori oleh Parti Komunis Indonesia.

2. Bahawa banyak orang mengaku beragama Islam yang menjadi anggota parti dan pertubuhan-pertubuhan perjuangan yang ideologinya menentang berlakunya Hukumah Islamiyah, seperti menjadi anggota PKI dan sebagainya.

3. Bahawa sebahagian besar orang Islam yang masuk menjadi anggota parti-parti tersebut tidak sedar tentang salah batalnya ideologi parti yang mereka masuki.

### Mengingat:

Firman Allah Ta‘ālā dalam Quran di antaranya:

(1) “Dan hendaklah kamu menggunakan hukum di antara mereka dengan hukum yang diturunkan oleh Allah. Janganlah kamu menurut hawa nafsu orang banyak. Awaslah perjuangan mereka memalingkan kamu daripada sebahagian hukum yang diturunkan Allah kepada kamu. Sekiranya mereka berpaling, ketahuilah bahawa tidak lain melainkan Allah akan menimpakan azab siksaan kepada mereka, kerana sebahagian dari dosa yang mereka lakukan. Sesungguhnya kebanyakkannya manusia itu fasik dan derhaka”.

(Surah al-Mā’idah, ayat 49)

(2)- “Barangsiaapa yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah (Quran dan hadis), maka mereka itulah orang-orang yang kafir”.

(Surah al-Mā’idah, ayat 44)

(3)- “Apakah mereka menghendaki hukum jahiliyyah? bukanlah tidak ada lebih baik dan adil selain dari hukum Allah bagi kaum yang percaya?”.

(Surah al-Mā’idah, ayat 50)

(4)- “Tidak lain sebutan umat mukmin apabila mereka diajak kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menghukum

di antara, ucapannya ialah : “Kami dengan dan kami taat”. Dan mereka itulah orang-orang yang akan mendapat kemenangan”.

(Surah al-Nūr, ayat 51)

(5)- “Tidak ada pilihan bagi mukmin dan mukminat, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu urusan. Dan barang siapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya (tidak mau menerima hukum Allah dan Rasul-Nya), maka setelah ia, satu kesesatan yang nyata”.

(Surah al-Aḥzāb, ayat 36)

(6)- “ Demi Tuhanmu! Tiadak dianggap berimana mereka, hingga menjadikan kamu (Muhammad SAW), tempat bertahkim dalam urusan yang mereka perselisihan, dan hingga mereka menyerah dengan segala kesungguhan hati (taslim), kemudian tidak mereka merasakan kesempitan (keberatan dalam hatinya) keputusan yang kamu ambil.”

(Surah al-Nisā’, ayat 65)

(7)- “ Tidak ada (yang patut jadi) ketua kamu (pemimpin kamu), melainkan Allah dan Rasul-Nya, dan (pemimpin-pemimpin) yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, sedang mereka menundukkan diri (kepada perintah Allah).”

(Surah al-Mā’idah, ayat 55)

(8)- Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan ketua (pemimpin) orang-orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejekan dan permainan, daripada ahli kitab yang sebelum kamu dan (janganlah kamu jadikan) orang-orang kafir sebagai ketua dan takutlah kepada Allah, jika kamu betul-betul orang-orang yang beriman.”

(Surah al-Mā’idah, ayat 57)

(9)- “Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu anggap sahabat karib (*bañanah*) lain daripada golongan kamu.

Mereka itu tidak berhenti-hentinya berikhtiar menarik kecelakaan

atas kamu, mereka itu suka apa yang menyusahkan kamu.

Sesungguhnya kebencian telah terbit dari mulut-mulut mereka itu, tetapi apa yang disembunyikannya dalam hati mereka itu adalah lebih besar. Kami telah terangkan tanda-tanda kepada kamu, jika kamu mahu berfikir.”

(Surah Āli Imrān, ayat 117)

(10)- Hai orang-orang yang Beriman ! Janganlah kamu jadikan orang-orang kafir itu sebagai ketua (pemimpin), pada hal mereka bukan dari kaum mu’mīn. apakah kamu mahu mengadakan satu alasan yang nyata bagi Allah buat (menghukum) kamu?”

(Surah al-Nisā’, ayat 144)

(11)- Tidak mungkin kamu bertemu kaum yang beriman kepada Allah dan hari kiamat akan mencintai orang yang memusuhi Allah dan Rasul-Nya walaupun yan memusuhi itu bapa-bapa atau anak-anak mereka, Allah mengetahui iman dalam hati mereka itu dan dikuatkannya dengan roh daripadanya. Dimasukkan mereka ke dalam syurga. Yang mengalir air sungai di bawah pohon kayu-kayuan, serta kekal abadi di dalamnya. Allah redha kepada mereka dann mereka redha kepada Allah, mereka ialah parti Allah. Ketahuilah bahawa sesungguhnya parti Allah itu pasti akan mendapat kemenangan.”

(Surah al-Mujādalah, ayat 22)

(12)- “Apakah kamu percaya kepada sebahagian dari isi kitab dan kamu ingkar (kufur) kepada sebahagiannya? Maka tidak ada balasan bagi orang yang melakukan sedemikian itu dari antara kamu, melainkan kerendahan dalam kehidupan dunia; dan pada hari kiamat mereka akan dikembalikan kepada sekeras-keras azab seksaan. Dan Allah tiada lagi daripada yang kamu kerjakan. Mereka itulah yang menukar kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat. Maka tidak akan diringankan daripada mereka seksaan dan mereka tidak akan ditolongi. ”

(Surah al-Baqarah, ayat 85, 86)

-Sambungan pada muka 35-